



RAJA Permaisuri Agung dan Tunku Puan Besar Khursiah (belakang) diiringi masuk ke dewan oleh Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Ton Puan Norashikin, di Universiti Kebangsaan di sini semalam bagi melancarkan Pergerakan Puteri Islam Kebangsaan.

Raja Permaisuri ingatkan ibu bapa tentang pendidikan anak-anak

BANGI, 17 Jun - Raja Permaisuri Agung hari ini bertitah mengingatkan ibu bapa supaya tidak membiarkan pendidikan anak-anak mereka diserahkan bulat-bulat kepada guru sahaja.

"Pendidikan merupakan satu proses dari rumah ke sekolah, titah Seri Paduka Baginda ketika melancarkan Pergerakan Puteri Islam Kebangsaan anjuran Lembaga Kebajikan Perempuan Islam di Dewan Canselor Tun Abdul Razak Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

Menurut Seri Paduka Baginda bimbingan dan tunjuk ajar yang baik dari ibu bapa dan guru sangat penting bagi kejayaan anak-anak di bidang pengetahuan termasuk keagamaan bagi bekal dunia dan akhirat.

Raja Permaisuri Agung menggesa lembaga itu melaksanakan objektifnya membimbing gadis Islam ke arah pembentukan rohani dan jasmani mereka supaya menjadi insan berilmu, maju serta diterima oleh masyarakat.

Terdahulu, Pengerusi Lembaga Toh Puan Norashikin Ismail memberitahu Pergerakan Puteri Islam sedang merangka kurikulum mengandungi aspek sosial, keagamaan, kesihatan dan kebudayaan yang akan digunakan sebagai panduan.

Beliau berkata penerbitan pergerakan itu berpandukan kepada tiga asas — beriman, beramal dan berkhidmat.

Dalam konteks ini tambah beliau pergerakan itu akan melibatkan diri di semua bidang termasuk sains, teknologi dan sukan yang akan memberi faedah kepada masyarakat dan negara.

Antara 2,000 orang yang hadir di majlis tersebut ialah Sultanah-Sultanah, isteri-isteri Yang Dipertua Negeri dan isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Sri Dr. Siti Hasmah. — Ber-